



14 AUG, 2025

## Inisiatif kurangkan kos sara hidup rakyat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

# Inisiatif kurangkan kos sara hidup rakyat

Oleh Jessica Jawing

**KOTA SAMARAHAN:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak berjaya melaksanakan 46 program Jualan Agro MADANI (JAM) dengan nilai jualan keseluruhan RM191,062.10 setakat Julai 2025.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, pada tahun lepas Sarawak berjaya merekodkan nilai jualan RM7.58 juta melalui 473 lokasi di seluruh negeri dengan penglibatan 3,459 usahawan.

Sehubungan itu katanya, tahun ini kementerian menyasarkan 350 program JAM di Sarawak.

"Program ini adalah satu inisiatif daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup dan juga membantu para petani dan usahawan tempatan kita.

"Kita menyediakan ruang pasaran dan membawa barangan hasil keluaran tempatan dari ladang terus kepada pengguna tanpa melibatkan orang tengah.

"Melalui kaedah ini, kita dapat bantu kepada rakyat untuk menikmati penjimatan antara 10 dan 30 peratus," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan program JAM Edisi Khas Bulan Kebangsaan yang dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Stakan Datuk Hamzah Brahim di pekarangan Masjid Al-Malik, Uni Garden, Kota Samarahan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Arthur berkata kementerian akan meneruskan lagi program itu melalui FAMA dengan menyasarkan sebanyak 3,500 program di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM52.5 juta untuk tahun ini.

Katanya, ini sekali gus memberi peluang kepada pengguna menikmati penjimatan sebanyak RM15.75 juta dengan penyertaan 52,500 usahawan untuk mencapai 1.75 juta pengguna dan memanfaatkan tujuh juta isi rumah.

◆ [Lihat Muka 2](#)



14 AUG, 2025

## Inisiatif kurangkan kos sara hidup rakyat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

# ● FAMA Sarawak laksana 46 program Jualan Agro MADANI setakat Julai 2025.

## Inisiatif kurangkan kos sara hidup rakyat

### ► Dari Muka 1

“Saya berasakan tidak ada masalah untuk kita mencapai sasaran, mungkin melebihi sasaran kerana ini adalah program permintaan yang sangat tinggi daripada rakyat.

“Sebagai contoh, pada tahun lepas kita menyasarkan 5,000 program JAM seluruh negara dan kita berjaya melaksanakan lebih 7,200 program,” katanya.

Beliau berkata pada 2024, FAMA telah menganjurkan

7,295 program JAM di seluruh negara dengan nilai jualan RM162.45 juta.

“Ini telah memberikan penjimatan pengguna sebanyak RM43.64 juta dan melibatkan 92,065 usahawan dan telah menjangkau RM4.28 juta pengguna seluruh negara dengan memberi manfaat kepada 15.32 juta isi rumah,” ujarnya.

Mengenai program di Uni Garden, Arthur berkata ia dianjurkan dengan kerjasama Pusat Khidmat ADUN

Stakan dan diisi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk Happy Hour Sale program JAM, Kempen Makan Buah-Buahan Tempatan, sesi agihan nanas percuma kepada pengunjung, pertandingan gubahan dan sebagainya.

“Kita juga memilih lokasi strategik seperti kawasan perumahan yang padat penduduk seperti kawasan ini bagi mengurangkan beban rakyat dan menjimatkan kos dari segi logistik, perbelanjaan dan lain-lain,” ujarnya.



**TERUJA:** Arthur (dua kanan) bersama Hamzah (dua kiri) serta tetamu jemputan lain mengadakan demonstrasi membuat jus buah-buahan sempena Jualan Agro MADANI (JAM) di pekarangan Masjid Al-Malik, Uni Garden, Kota Samarahan semalam. — Gambar Mohd Faisal Ahmad



14 AUG, 2025

## Inisiatif kurangkan kos sara hidup rakyat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

KOTA SAMARAHAN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sarawak berjaya melaksanakan 46 program Jualan Agro MADANI (JAM) dengan nilai jualan keseluruhan RM191,062.10 setakat Julai 2025. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, pada tahun lepas Sarawak berjaya merekodkan nilai jualan RM7.58 juta melalui 473 lokasi di seluruh negeri dengan penglibatan 3,459 usahawan. Sehubungan itu katanya, tahun ini kementerian menyasarkan menyasarkan 350 program JAM di Sarawak.